



APPGM-SDG

DILULUSKAN OLEH PARLIMEN MALAYSIA KE-15

20 24



RINGKASAN EKSEKUTIF & LAPORAN AWAL

HASIL PEMETAAN KEPERLUAN KOMUNITI
DI KAWASAN PARLIMEN

P.178 SIPITANG

Ringkasan Eksekutif & Laporan Awal

HASIL PEMETAAN KEPERLUAN KOMUNITI
DI KAWASAN PARLIMEN

P.178 SIPITANG

Penyunting Siri

Nurul Syaza Mazelan

Penulis

Nurrul Fazlina Osman

Mc Jeanet Lempisik @ Marx



APPGM-SDG

DILULUSKAN OLEH PARLIMEN MALAYSIA KE-15

ISI KANDUNGAN

LAPORAN P.178 SIPITANG (SABAH)

Kata Pengantar - Nur Rahmah Othman **I**

Pendahuluan - Nurul Syaza Mazelan & Siti Nur Ain Zakinuddin **III**

BAHAGIAN A

Laporan Lawatan Pemetaan Isu **1-9**

BAHAGIAN B

Laporan Pemetaan Isu

- | | | |
|-----|-----------------|--------------|
| 1.0 | Pengenalan | 10 |
| 2.0 | Pemetaan Isu | 11-18 |
| 3.0 | Pengutamaan Isu | 19-32 |



APPGM-SDG

DILULUSKAN OLEH PARLIMEN MALAYSIA KE-15

KATA PENGANTAR

Nur Rahmah Othman

Pemangku Timbalan Ketua Sekretariat

Kumpulan Rentas Parti Parlimen Malaysia Mengenai Matlamat Pembangunan Lestari (APPGM-SDG) telah aktif sejak 2020 dalam menggerakkan agenda penyetempatan SDG di peringkat kawasan parlimen di seluruh negara. Melalui pendekatan utama pemetaan isu, APPGM-SDG menjalankan perbincangan kumpulan fokus bersama kumpulan sasaran tempatan untuk mengenal pasti cabaran mereka dan mencadangkan penyelesaian melalui projek komuniti berasaskan SDG serta intervensi dasar yang sesuai.

Dari 2020 hingga 2023, APPGM-SDG telah mengunjungi 87 kawasan parlimen. Pada 2024, inisiatif ini diperluaskan ke 30 kawasan parlimen baharu, membolehkan pasukan kami mendalami isu akar umbi dan menentukan keutamaan tempatan. Lawatan tapak ini memberikan pandangan komprehensif mengenai situasi sebenar di lapangan dan mengenal pasti penyelesaian yang diperlukan.

Hasil lawatan tersebut, 30 laporan awal pemetaan isu telah disediakan pada tahun 2024, terkandung dalam jilid bertajuk "*Ringkasan Eksekutif dan Laporan Awal: Hasil Pemetaan Keperluan Komuniti di Kawasan Parlimen 2024*". Laporan ini dipecahkan mengikut zon dan wilayah – Utara, Timur, Tengah, Selatan, Sabah, dan Sarawak – sebagaimana diperincikan dalam **Jadual 1**. Selain itu, laporan bergambar turut disertakan, memaparkan butiran lawatan tapak dan isu yang dikenal pasti. Laporan individu juga disediakan bagi memudahkan rujukan ahli Parlimen dan pihak berkepentingan untuk merujuk laporan mengikut kawasan Parlimen tertentu.

Jadual 1: Pecahan kawasan Parlimen mengikut jilid

JILID	ZON/WILAYAH	JUMLAH KAWASAN PARLIMEN	PENYELIDIK
Jilid 1	Zon Utara	9	3
Jilid 2	Zon Timur	4	3
Jilid 3	Zon Tengah	7	5
Jilid 4	Zon Selatan	4	3
Jilid 5	Wilayah Sabah	3	1
Jilid 6	Wilayah Sarawak	3	1
JUMLAH KESELURUHAN		30	

Laporan awal ini menggunakan pendekatan kualitatif yang menangkap suara-suara akar umbi, termasuk emosi, keperluan, dan keutamaan masyarakat tempatan. Walaupun laporan ini tidak mengandungi transkrip penuh perbincangan kumpulan fokus, ia cukup memberikan analisis situasi yang menggambarkan realiti kehidupan komuniti di lapangan. Laporan lengkap, termasuk nota transkrip penuh, akan diterbitkan untuk rujukan Ahli Parlimen yang terlibat dan boleh diakses oleh pihak awam atas permintaan untuk kajian lanjut.

Laporan-laporan ini akan dijadikan asas untuk perbincangan lanjut di peringkat lebih tinggi di Parlimen, serta bersama agensi-agensi dan kementerian kerajaan yang berkenaan. Tujuan utama adalah untuk merangka penyelesaian yang lebih komprehensif dan mendorong perubahan dasar yang relevan bagi menangani isu-isu yang dikenal pasti.

PENGHARGAAN

Saya ingin merakamkan penghargaan kepada ahli jawatankuasa APPGM-SDG, Ketua Sekretariat APPGM-SDG, dan pengarah-pengarah APPGM-SDG, semua Ahli Parlimen, agensi kerajaan, terutama pejabat daerah, dan pihak-pihak yang mempermudah dialog serta penyertaan dalam inisiatif APPGM-SDG pada tahun 2024.

Ucapan tahniah khas ditujukan kepada Puan Nurul Syaza Mazelan selaku penyunting siri enam jilid ini atas dedikasi beliau menyunting laporan-laporan yang disediakan oleh pasukan penyelidik APPGM-SDG. Terima kasih juga kepada para penyelidik iaitu Dr Wan Suzita Wan Ibrahim, Dr Siti Nur Ain Zakinuddin, Dr Thanaraj Murudi, Cik Siti Noraiysah Rohim, Cik Raine Melissa Riman, Dr Eva Kristin Larry Sait, Cik Nurrul Fazlina Osman, dan Cik Mc Jeanet Lempisik @ Marx serta pasukan Komunikasi Korporat APPGM-SDG, yang diketuai Cik Zoel Ng, dan khususnya Puan Maisarah Mohd Asri dan Jeremiah Nathan Raj, Hirzawati Atikah Mohd Tahir dan Arif Azhad Abdul Ghaffar atas usaha kreatif dalam memastikan penerbitan bahan ini berjaya.

Semoga usaha ini terus memperkukuh langkah kita dalam mencapai pembangunan lestari untuk seluruh rakyat Malaysia.

PENDAHULUAN

Nurul Syaza Mazelan

Timbalan Pengarah Unit Penyelarasan Kawasan Parlimen

Siti Nur Ain Zakinuddin

Penyelaras APPGM-SDG Zon Pantai Timur

Penyetempatan Matlamat Pembangunan Lestari atau *Sustainable Development Goals* (SDG) dengan 17 matlamat utama merupakan satu usaha yang giat dijalankan di seluruh dunia. Kekangan perubahan iklim, ketidaksamaan sosial dan kemerosotan alam sekitar yang berterusan menggesa Malaysia untuk bertindak dengan lebih agresif terutama bagi membantu komuniti terpinggir supaya diangkat dan lebih maju ke hadapan berikutan persaingan global yang tidak menentu. Bagi Malaysia, SDG amat penting kerana ia selaras dengan wawasan negara untuk menjadi sebuah negara maju dan mampan. Komitmen terhadap SDG juga mengukuhkan kerjasama antarabangsa dan menunjukkan kepimpinan Malaysia dalam pembangunan mampan.

Pelaksanaan SDG di Malaysia meliputi pelbagai sektor, termasuk pembangunan sosial, ekonomi, alam sekitar, infrastruktur, dan tadbir urus. Antara langkah proaktif menunjukkan komitmen Malaysia untuk mencapai pembangunan yang lebih inklusif dan mampan ialah melalui penubuhan APPGM-SDG. APPGM-SDG telah berfungsi sebagai satu entiti penting yang menggerakkan penyetempatan SDG di Malaysia melalui kerjasama ahli-ahli parlimen.

Seperti tahun sebelumnya, APPGM-SDG meletakkan kajian pemetaan isu sebagai pendekatan utama dalam mendapatkan isu-isu dari komuniti akar umbi, justeru rangka kerja komprehensif ini sekali lagi diteruskan pada tahun 2024. Proses ini penting terutamanya kepada komuniti akar umbi untuk memastikan suara mereka didengari. Pihak kami telah menumpukan usaha yang berganda untuk mempertimbangkan perspektif ekonomi, alam sekitar dan sosial dari kawasan pedalaman sehingga kawasan bandar untuk memastikan tiada sesiapa ketinggalan.

Pada tahun 2024, proses pemetaan isu telah dilakukan dengan lebih mendalam melalui keterlibatan agensi Kerajaan, swasta dan juga NGO. Perbincangan bersama agensi juga menjadi satu keperluan yang memberi kesan kepada hasil analisis isu yang ditemui. Berbanding tahun sebelumnya, proses pemetaan isu tahun 2024 mengambil masa selama lebih dua minggu untuk dijalankan sesi dialog bersama agensi. Ini adalah bagi memberi ruang dan masa untuk setiap agensi lebih bersedia dengan data dan tindakan

yang telah dilakukan oleh agensi-agensi mengenai isu yang disuarakan oleh komuniti setempat.


Selain itu, adalah menjadi tanggungjawab APPGM-SDG untuk memastikan proses pemetaan isu ini mendapat persetujuan penuh dari setiap peserta terlibat, justeru setiap kali sebelum memulakan sesi dialog, kebenaran bagi merakam audio serta mengambil gambar diperoleh terlebih dahulu. Laporan yang dibukukan ini adalah bertepatan dengan input pemetaan isu sepertimana rakaman audio yang diambil semasa sesi dialog. Peserta juga dimaklumkan bahawa rakaman audio adalah bagi tujuan dokumentasi serta perbincangan inisiatif dasar dan audio akan disimpan rapi tanpa disebar kepada umum. Oleh itu, laporan ini tidak akan sesekali berkongsi rakaman audio yang telah dirakam bagi menjaga kepercayaan yang diberi dari peserta kepada pihak penyelidik.

Sebagai hasil kerja keras pasukan APPGM-SDG, kami berbesar hati untuk berkongsi Ringkasan Eksekutif dan Laporan Awal: Hasil Pemetaan Keperluan Komuniti Kawasan Parlimen 2024. Laporan ini disusun dalam enam jilid berbeza melibatkan Zon Utara, Zon Selatan, Zon Pantai Timur, Zon Tengah, Wilayah Sabah dan Wilayah Sarawak. Selain itu, laporan individu mengikut Parlimen juga disediakan untuk rujukan khusus mengikut parlimen tertentu.

Ketua penyelidik yang juga merupakan penulis laporan telah mengambil langkah mendokumentasikan semua isu utama diutarakan dalam sesi dialog yang telah diadakan. Justeru, laporan awal ini mengandungi input perkongsian dan luahan oleh pelbagai pihak termasuk ahli parlimen, pegawai Daerah/Jajahan, ketua komuniti dan masyarakat akar umbi. Semoga laporan ini dapat dijadikan rujukan semua pihak dalam memahami isu penduduk setempat dan memacu pembangunan lestari.

30 kawasan Parlimen telah terpilih untuk menjalankan kajian pemetaan isu dan penyetempatan SDG bagi tahun 2024 merangkumi semua zon di Semenanjung Malaysia serta wilayah Sabah dan Sarawak. Hasil pemetaan isu 30 kawasan Parlimen bagi tahun 2024 ini membawa jumlah kumulatif sebanyak 115 ahli Parlimen telah bekerjasama dengan pihak APPGM-SDG sejak tahun 2020 sehingga kini.

**KAWASAN PARLIMEN TERLIBAT
DENGAN GERAK KERJA APPGM-SDG
DARI TAHUN 2020-2024**



Laporan Awal bagi 30 kawasan Parlimen ini telah dibahagikan mengikut zon dan wilayah. Empat jilid merangkumi empat zon di Semenanjung Malaysia iaitu zon Utara, Timur, Tengah dan Selatan. Manakala, 2 jilid lagi berfokus di Wilayah Sabah dan Sarawak. Terdapat lapan penyelidik yang telah mengetahui proses pemetaan isu di kawasan Parlimen bagi tahun 2024. **Jadual 2** menunjukkan senarai penuh 30 kawasan terpilih untuk tahun 2024.

Jadual 2: Senarai 30 Kawasan Parlimen Terlibat dengan Gerak Kerja APPGM-SDG bagi Tahun 2024

Bil.	Zon/Wilayah	Negeri	Daerah/Bahagian	Parlimen	Kod	Nama Ahli Parlimen	Parti	Ketua Penyelidik APPGM-SDG
1.	Utara	Perak	Pengkalan Hulu	Gerik	P054	YB Tuan Fathul Huzir bin Ayob	PN-BERSATU	Dr Thanaraj Murudi
2.	Utara	Perak	Kerian	Bagan Serai	P058	YB Datuk Idris Bin Ahmad	PN-PAS	Dr Thanaraj Murudi
3.	Utara	Kedah	Langkawi	Langkawi	P004	YB Dato' Haji Mohd Suhaimi Bin Haji Abdullah	PN-BERSATU	Siti Noraiysah Rohim
4.	Utara	Perak	Perak Tengah	Parit	P069	YB Tuan Muhammad Ismi Bin Mat Taib	PN -PAS	Siti Noraiysah Rohim
5.	Utara	Pulau Pinang	Seberang Perai Utara	Tasek Gelugor	P042	YB Datuk Wan Saifulruddin Wan Jan	PN-BERSATU	Siti Noraiysah Rohim
6.	Utara	Pulau Pinang	Barat Daya dan Timur Laut	Bayan Baru	P052	YB Tuan Sim Tze Tzin	PH-PKR	Siti Noraiysah Rohim
7.	Utara	Pulau Pinang	Timur Laut	Bukit Bendera	P048	YB Puan Syerleena binti Abdul Rashid	PH-DAP	Dr Wan Suzita Wan Ibrahim
8.	Utara	Perak	Perak Tengah	Pasir Salak	P073	YB Tuan Jamaludin Bin Yahya	PN-PAS	Dr Wan Suzita Wan Ibrahim

9.	Utara	Perlis	Negeri Perlis	Arau	P003	YB Dato' Seri Dr. Shahidan Bin Kassim	PN-PAS	Dr Wan Suzita Wan Ibrahim
10.	Timur	Pahang	Maran dan Temerloh	Kuala Krau	P087	YB Tuan Kamal Bin Ashaari	PN-PAS	Dr Thanaraj Murudi
11.	Timur	Pahang	Pekan	Pekan	P085	YB Dato' Sri Sh Mohmed Puzi Bin Sh Ali	BN-UMNO	Dr Wan Suzita Wan Ibrahim
12.	Timur	Terengganu	Hulu Terengganu	Hulu Terengganu	P038	YB Dato' Rosol Bin Wahid	PN-BERSATU	Dr Siti Nur Ain Zakinuddin
13.	Timur	Kelantan	Kota Bharu	Ketereh	P026	YB Dato' Khilir Bin Mohd Nor	PN	Dr Siti Nur Ain Zakinuddin
14.	Tengah	Selangor	Klang	Kapar	P109	YB Dr. Hajah Halimah Ali	PN-PAS	Dr Thanaraj Murudi
15.	Tengah	Selangor	Klang	Klang	P110	YB Tuan Ganabatirau A/L Veraman	PH-DAP	Dr Thanaraj Murudi
16.	Tengah	Selangor	Kuala Selangor	Tg Karang	P095	YB Dato' Dr. Zulkafperi Bin Hanapi	PN	Siti Noraiysah Rohim
17.	Tengah	Kuala Lumpur	Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	Batu	P115	YB Tuan Prabakaran A/L M Parameswaran	PH-PKR	Dr Siti Nur Ain Zakinuddin

18.	Tengah	Selangor	Sabak Bernam	Sungai Besar	P093	YB Datuk Muslimin Bin Yahaya	PN-BERSATU	Mohamed Daniel Mokhtar
19.	Tengah	Selangor	Shah Alam	Shah Alam	P108	YB Tuan Haji Azli Bin Yusof	PH-AMANAHAH	Nurul Syaza Mazelan
20.	Tengah	Kuala Lumpur	Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	Bandar Tun Razak	P124	YB Dato' Seri Dr. Wan Azizah Binti Wan Ismail	PH-PKR	Nurul Syaza Mazelan
21.	Selatan	N. Sembilan	Port Dickson	Port Dickson	P132	YB Dato' Seri Aminuddin Bin Harun	PH-PKR	Siti Noraiysah Rohim
22.	Selatan	Negeri Sembilan	Kuala Pilah	Kuala Pilah	P129	YB Dato' Adnan Bin Abu Hassan	BN-UMNO	Dr Wan Suzita Wan Ibrahim
23.	Selatan	Johor	Tangkak	Ledang	P142	YB Tuan Syed Ibrahim Bin Syed Noh	PH-PKR	Dr Wan Suzita Wan Ibrahim
24.	Selatan	Johor	Muar, Tangkak, Segamat	Pagoh	P143	YB Tan Sri Dato' Haji Mahiaddin Bin Md Yasin	PN-BERSATU	Nurul Syaza Mazelan
25.	Sarawak	Sarawak	Bau dan Lundu	Mas Gading	P192	YB Tuan Mordi Anak Bimol	PH-DAP	Raine Melissa Riman
26.	Sarawak	Sarawak	Bahagian Mukah (Daerah Mukah dan Daerah Dalat, Daerah Kecil Oya dan Balingian)	Mukah	P213	YB Dato Hajjah Hanifah Hajar Taib	GPS-PBB	Raine Melissa Riman

27.	Sarawak	Sarawak	Bahagian Miri (Daerah Subis, Daerah Kecil Niah)	Sibuti	P218	YB Dato Lukanisman Bin Awang Sauni	GPS-PBB	Raine Melissa Riman
28.	Sabah	Sabah	Kota Marudu	Kota Marudu	P168	YB Datuk Wetrom Bin Bahanda	KDM	Nurrul Fazlina Osman
29.	Sabah	Sabah	Sipitang	Sipitang	P178	YB Datuk Matbali Bin Musah	GRS	Nurrul Fazlina Osman
30.	Sabah	Sabah	Kinabatangan dan Tongod	Kinabatangan	P187	YB Datuk Seri Panglima Moktar Bin Radin	BN-UMNO	Nurrul Fazlina Osman

METODOLOGI KAJIAN

Dalam proses pemetaan isu, pihak APPGM-SDG memastikan untuk mendapat persetujuan penuh daripada semua pihak terlibat secara langsung termasuk ahli Parlimen, agensi Kerajaan, dan semua peserta yang terlibat. Kajian ini melalui beberapa proses utama seperti mesyuarat awalan bersama ahli Parlimen, pemprofilan kawasan Parlimen, pra-lawatan, bersama Pegawai Daerah dan agensi Kerajaan, lawatan tapak selama tiga hari, sesi dialog bersama agensi dan pengutamaan isu bersama ahli Parlimen. Proses ini adalah penting untuk memastikan dapatan kajian dikumpul secara kumulatif dari semua pihak berkepentingan.

PROSES PEMETAAN ISU APPGM-SDG



Perbincangan yang diadakan di dalam proses ini dirakam secara audio oleh penyelidik untuk tujuan dokumentasi dan penganalisan selanjutnya. Sebelum rakaman dibuat, penyelidik juga akan memaklumkan kepada peserta tujuan rakaman dibuat dan rakaman tersebut disimpan selamat oleh pihak APPGM-SDG dan tidak boleh dikongsi secara terbuka. Maka, laporan-laporan ini dibuat adalah berdasarkan terjemahan daripada perbincangan yang telah diadakan dengan merujuk kepada audio rakaman sebagai data utama.

Kumpulan sasaran ditetapkan berdasarkan perbincangan isu awalan bersama ahli Parlimen dan agensi Kerajaan semasa pemprofilan dan pra-lawatan. Terdapat 41 kumpulan sasaran yang menjadi fokus seperti berikut:

Status Individu		Kaum Minoriti
1. Kumpulan B40 / miskin tegar 2. Penduduk M40 3. Orang kurang upaya (OKU) 4. Ibu / Bapa tunggal 5. Wanita 6. Warga emas 7. Belia 8. Kanak-kanak 9. Warga asing / Pelarian 10. Tiada warganegara 11. Ketua Isi Rumah		1. Komuniti Cina 2. Komuniti India 3. Komuniti Siam 4. Orang Asli/Asal 5. Komuniti Bugis 6. Komuniti Iban 7. Komuniti Kedayan
Jenis Pekerjaan		Pendidikan
Pertanian	1. Petani 2. Peladang / Peneroka 3. Penoreh 4. Penternak	1. PIBG Sekolah 2. Pelajar sekolah 3. Pelajar Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) 4. Pelajar Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA)
Perikanan	1. Nelayan laut 2. Nelayan darat	
Perdagangan	1. Peniaga 2. Penjaja 3. Pengusaha Industri Kecil dan Sederhana (IKS) 4. Pengusaha Homestay	
Perindustrian	1. Pemilik kilang	
Perkhidmatan	1. Petugas/Penyelia PPDK 2. Veteran ATM dan Polis 3. Penghulu-Penghulu Mukim 4. Pemimpin Tempatan 5. Malim gunung	Organisasi / Persatuan 1. Badan bukan kerajaan (NGO) 2. Persatuan Sukarelawan 3. Persatuan Penduduk 4. Koperasi Komuniti

PENEMUAN KESELURUHAN

Daripada hasil penemuan pemetaan isu di semua kawasan Parlimen terpilih bagi tahun 2024, 26 isu tematik utama yang telah dikenal pasti sebelum ini masih relevan apabila terdapat isu dalam terangkan yang sama dibangkitkan. Secara kolektifnya, antara isu yang terdesak bagi tahun 2024 yang sering diutarakan adalah berkaitan:

1. Kesukaran untuk mengakses sokongan kebajikan Kerajaan, bantuan dan subsidi
2. Masalah infrastruktur telekomunikasi
3. Kelestarian kehidupan penduduk di rumah kos rendah
4. Masalah banjir
5. Akses kepada air bersih dan terawatt
6. Keperluan pembangunan infrastruktur
7. Cabaran pembangunan ekonomi bagi sektor pertanian
8. Cabaran pembangunan belia
9. Tekanan ekonomi semasa kepada individu dan usahawan kecil tempatan
10. Pencemaran alam sekitar

Selain itu, terdapat juga isu-isu baharu yang banyak dibangkitkan dalam pemetaan isu di kawasan Parlimen 2024. Hal ini adalah kerana perubahan tren semasa dalam arus pembangunan memberi impak kepada masyarakat umum. Antara isu-isu baharu ditemui adalah seperti:

1. Keciciran pendidikan bagi pelajar B40, Orang Asal dan Orang Asli
2. Konflik manusia dan haiwan liar
3. Cabaran pendigitalan

Bagi pengkhususan isu utama yang banyak diutarakan mengikut zon dan wilayah adalah seperti yang dijelaskan di dalam **Jadual 3**.

ZON / WILAYAH	ISU UTAMA
Zon Utara	<ul style="list-style-type: none">• Gejala sosial• Kurang kepelbagaian peluang pekerjaan• Kos sara hidup yang tinggi• Keciciran Pendidikan• Kekurangan infrastruktur dan kemudahan asas• Masalah banjir• Pencemaran air dan udara
Zon Timur	<ul style="list-style-type: none">• Kekurangan maklumat untuk mendapatkan bantuan• Infrastruktur yang lemah dalam bidang pertanian• Kurang pengetahuan pemasaran dalam kalangan petani• Kurang kepelbagaian peluang pekerjaan• Penghijrahan ke bandar• Kos sara hidup yang tinggi

Zon Tengah	<ul style="list-style-type: none"> • Birokrasi dan kekurangan maklumat untuk mendapatkan bantuan • Tahap pengurusan untuk kutipan sampah dan penyelenggaraan yang lemah di kawasan rumah kos rendah • Masalah banjir berpunca daripada penyelenggaraan perparitan yang lemah • Gejala sosial yang berkaitan dengan golongan belia
Zon Selatan	<ul style="list-style-type: none"> • Masalah banjir • Konflik hidupan liar dan manusia • Keciciran pendidikan • Kenaikan kos sara hidup • Kesukaran mendapatkan lesen nelayan • Kekurangan infrastruktur dan kemudahan asas
Wilayah Sabah	<ul style="list-style-type: none"> • Keciciran pendidikan kerana jarak yang jauh ke sekolah • Konflik kewarganegaraan kerana kekurangan dokumentasi • Keperluan pembangunan infrastruktur dan utiliti (jalan, telekomunikasi, bekalan air dan elektrik) • Keperluan sokongan dan bantuan penjana pendapatan • Pengurusan kutipan sampah yang tidak efisien
Wilayah Sarawak	<ul style="list-style-type: none"> • Kurang penyelenggaraan sistem perparitan menjadi punca banjir • Penyeludupan barang di sempadan • Kualiti perkhidmatan kesihatan yang lemah • Konflik kewarganegaraan kerana kekurangan dokumentasi • Keperluan pembangunan infrastruktur dan utiliti (jalan, telekomunikasi, bekalan air dan elektrik) • Konflik pemilikan tanah • Kemerosotan identiti budaya dan bahasa • Konflik manusia – hidupan liar

BAHAGIAN A

LAPORAN

LAWATAN PEMETAAN ISU

P.178 SIPITANG (SABAH)

19 - 21 April 2024 (Jumaat - Ahad)

TEMPAT-TEMPAT YANG TELAH DILAWATI

HARI 1

1. Sesi Dialog bersama Penduduk Kg Kuala Mangalong
2. Sesi Dialog bersama Penduduk Kg Kawang
3. Sesi Dialog bersama Komuniti Murut
4. Sesi Dialog bersama Komuniti Lundayeh

HARI 2

5. Sesi Dialog bersama Penduduk Kg Bintuka
6. Sesi Dialog bersama Komuniti Bisaya, Brunei dan Dusun Tatana
7. Sesi Dialog bersama Komuniti Kedayan dan Murut
8. Sesi Dialog bersama Komuniti Nelayan

HARI 3

9. Lawatan Tapak 1 - Kompleks Persatuan Kebudayaan Lundayeh Sabah
10. Sesi Dialog bersama Pejabat Pusat Khidmat Rakyat P.178 Sipitang

Lawatan Khas

Lawatan bertemu YB Datuk Matbali Bin Musah

PASUKAN PENYELIDIK



Fazlina
(Ketua Penyelidik)



Dr Teo Sue Ann



Dr Eva Kristin



Mellisa Rimani



MC Jeanet

Dengan sokongan
daripada
Ahli Parlimen Sipitang,
YB Datuk
Matbali Bin Musah



27 November 2023 - Mesyuarat Awalan

Mesyuarat awal bersama YB Datuk Matbali Bin Musah (Ahli Parlimen Sipitang) untuk penyetempatan SDG pada tahun 2024.

Pihak YB telah bersetuju untuk mengadakan lawatan tapak pada bulan Februari 2024 atas faktor cuaca yang tidak elok pada bulan Januari.



24 Januari 2024 - Mesyuarat Pemprofilan

Fazlina dan Janet telah mengadakan sesi pemprofilan secara dalam talian bagi Parlimen Sipitang bersama En. Muanam @ Shafie Mujiarto (Ketua Pegawai Perhubungan) dan mesyuarat bersama DO En Ak Raimy Abd Rahman (Pegawai Daerah Sipitang).



3 April 2024 - Mesyuarat Susulan

Pasukan Pejabat Sabah telah mengadakan mesyuarat susulan bersama pegawai Parlimen Sipitang yang dihadiri oleh En. Muanam Mujiarto dan En. Razlan Ali untuk membincangkan berkenaan tentatif lawatan tapak ke Parlimen Sipitang pada 19-21 April 2024.



1: Sesi Dialog bersama Penduduk Kg Kuala Mangalong

Sesi FGD 1 ini melibatkan Penduduk Kg Kuala Mangalong. Antara isu yang telah diutarakan adalah: **(1)** Kebergantungan yang tinggi terhadap aktiviti perikanan menyebabkan pendapatan nelayan tidak stabil, **(2)** Isu pencemaran air daripada aktiviti kilang dan SOGIP (Sabah oil & gas dev), **(3)** Isu SOGIP yang tidak membayar pampasan kepada nelayan, **(4)** Kurang hasil penangkapan ikan disebabkan kawasan nelayan semakin terhad setelah SAMUR dibangunkan, **(5)** Kesukaran mendapatkan bantuan kerajaan selain daripada bantuan dari LKIM



2: Sesi Dialog bersama Penduduk Kg Kawang

Sesi FGD 2 ini melibatkan Penduduk Kg Kuala Mangalong di Dewan Gereja, Kg Kawang. Antara isu yang telah diutarakan adalah: **(1)** Persatuan Lunbawang mempunyai 1000 ahli aktif tetapi kekurangan dana dalam mempromosikan kebudayaan mereka, **(2)** Isu bekalan elektrik yang tidak stabil, **(3)** Isu rangkaian telekomunikasi yang tidak stabil, **(4)** Isu banjir yang disebabkan oleh sistem perparitan yang tidak sistematik, **(5)** Isu penyalahgunaan dadah yang berleluasa membawa kepada masalah sosial lain seperti kecurian, masalah rumahtangga dan anak luar nikah, **(6)** Kurang bantuan kebajikan/perindungan sosial untuk golongan warga emas.



3: Sesi Dialog bersama Komuniti Murut

Sesi FGD 3 ini melibatkan Komuniti Murut di Kg Kelangsat. Antara isu yang telah diutarakan adalah: **(1)** Ketiadaan bekalan air bersih terawat yang menyebabkan masalah kesihatan seperti cirit berit, **(2)** Kemudahan perhubungan seperti jambatan gantung yang rapuh dan selalu dilanda banjir, **(3)** Tiada klinik kesihatan yang terdekat menyebabkan terdapat kejadian penduduk kampung yang meninggal kerana tidak sempat sampai ke hospital, **(4)** Tiada sistem pengurusan sampah yang sistematik menyebabkan kes denggi dan malaria tinggi, **(5)** Isu sempadan tanah kampung yang berdekatan dengan hutan simpan **(6)** Susah mengeluarkan hasil kebun kerana jalan kebun yang sukar dilalui, **(7)** air sungai yang merupakan sumber alternatif punca air tercemar dari hakisan hasil pembalakan di hulu sungai, **(8)** Petempatan jauh dari hospital atau Klinik. Apabila air sungai pasang mereka tidak ada jalan alternatif untuk keluar bagi mendapatkan rawatan sekiranya berlaku kecemasan.



4: Sesi Dialog bersama Komuniti Lundayeh

Sesi FGD 4 ini melibatkan Komuniti Lundayeh di Dewan Gereja, Kg Mendulong. Antara isu yang telah diutarakan adalah: **(1)** Tiada sistem pengurusan sampah yang sistematik dimana penduduk kampung membakar dan membuang sampah di sungai. Terdapat juga kes denggi, malaria, dan kencing tikus disebabkan oleh isu sampah ini. **(2)** Sistem perparitan yang tidak diselenggara menyebabkan banjir, **(3)** Isu kebajikan dimana terdapat warga emas yang tidak mendapat bantuan, **(4)** Isu kepadatan penduduk dimana terdapat 3 keluarga di dalam satu rumah, **(5)** Isu dokumentasi, contoh: terdapat penduduk kampung yang berumur 56 tahun tetapi belum memiliki kad pengenalan, **(6)** Bekalan elektrik kurang stabil, **(7)** kurang infrastruktur kampung seperti balai raya, **(8)** Apabila bekalan air paip terputus penduduk bergantung dengan air sungai tetapi air sungai tercemar kerana hakisan daripada pembalakan berdekatan, **(9)** Konflik persempadanan tanah adat NCR dengan kawasan "forest reserve".



5: Sesi Dialog bersama Penduduk Kg Bintuka

Sesi FGD 5 ini melibatkan Penduduk Kg Bintuka di Dewan Kg Bintuka. Antara isu yang telah diutarakan adalah: **(1)** Tiada bekalan air bersih terawat di mana penduduk menggunakan air hujan dan air laut kerana kandungan klorin yang tinggi, **(2)** Hasil tangkapan perikanan yang menurun kerana persaingan dengan nelayan luar, **(3)** Mempunyai produk seperti santan pekat, garam, dan cuka tetapi tidak mempunyai ilmu pemasaran, **(4)** Terdapat aktiviti pengedaran dadah dalam kalangan penduduk, **(5)** Cara pengurusan sampah yang ditanam dan dibakar, **(6)** Parit yang tidak diselenggara menyebabkan banjir, **(7)** Jambatan utama yang tidak diselenggara.



6: Sesi Dialog bersama Komuniti Bisaya, Brunei dan Dusun Tatana

Sesi FGD 6 ini melibatkan Komuniti Bisaya, Brunei dan Dusun Tatana di Dewan Kg Bangkalalak. Antara isu yang telah diutarakan adalah: **(1)** Akses perhubungan dari rumah ke jalan rumah yang selalu dilanda banjir, **(2)** Isu banjir kerana limpahan sungai dan air pasang menyebabkan jalan perhubungan tidak dapat dilalui, **(3)** Isu dadah dimana kampung ini dijadikan sebagai pin pusat perjumpaan, **(4)** Tidak mempunyai jeti untuk kemudahan nelayan, **(5)** Isu kepadatan penduduk di mana 1 rumah mempunyai 3 ketua isi rumah, **(6)** Ancaman haiwan seperti monyet yang merosakkan tanaman, anjing liar yang mengakibatkan kemalangan, dan buaya yang naik ke jalan raya utama disebabkan oleh banjir.



7: Sesi Dialog bersama Komuniti Kedayan dan Murut

Sesi FGD 7 ini melibatkan Komuniti Kedayan dan Murut di Kawasan Tagal, Kg Karang. Antara isu yang telah diutarakan adalah: **(1)** Kebergantungan yang tinggi terhadap aktiviti pertanian (menoreh getah), **(2)** Isu kebajikan di mana terdapat warga emas yang tidak mendapat kelulusan bantuan, **(3)** Ketiadaan sistem pengurusan sampah dimana penduduk membakar sampah, **(4)** Kes dadah dalam kalangan belia, **(5)** Rangkaian telekomunikasi yang tidak stabil di Kg Karang Laut.



8: Sesi Dialog bersama Komuniti Nelayan

Sesi FGD 8 ini melibatkan Komuniti Nelayan di Dewan Wanita, Kg Pelakat. Antara isu yang telah diutarakan adalah: **(1)** Golongan belia tidak mempunyai fasiliti yang kondusif seperti gelanggang dan alat sukan, **(2)** Golongan belia mempunyai kemahiran tetapi tidak mampu untuk mendapatkan sijil kemahiran, **(3)** Isu nelayan yang kurang mendapat bantuan seperti peralatan perikanan, **(4)** Isu jeti yang usang dan tidak menampung untuk menyimpan perahu-perahu.



9: Lawatan Tapak 1 - Kompleks Persatuan Kebudayaan Lundayeh Sabah

Sesi ini telah dihadiri oleh - iaitu Pengerusi Persatuan Pusat Kebudayaan Lundayeh Sipitang. Pusat ini mempunyai rumah panjang yang dibuka untuk penginapan dan dewan utama untuk menjalankan aktiviti kebudayaan.



10: Sesi Dialog bersama Pejabat Pusat Khidmat Rakyat P.178 Sipitang

Sesi FGD 9 ini melibatkan 8 orang wakil daripada NGO dan Persatuan hadir ke sesi dialog yang dijalankan di Pusat Khidmat Parlimen P.178 Sipitang. Antara isu yang telah diutarakan adalah: **(1)** Kekurangan dana untuk menjalankan aktiviti persatuan, **(2)** Isu Sabah Forest Industries (SFI) yang menyebabkan banyak pekerja diberhentikan dan mereka mempunyai kesukaran untuk mencari pekerjaan baru, **(3)** Perumahan SFI yang terabai dimana tidak mempunyai bekalan air dan elektrik walaupun masih terdapat penduduk kampung yang tinggal di perumahan tersebut, **(4)** Isu kesesakan jalan raya di sempadan Sarawak dan Sabah, **(5)** Ketiadaan bekalan air bersih terawat, **(6)** Rangkaian telekomunikasi yang tidak stabil



Lawatan Khas - Lawatan bertemu YB Datuk Matbali Bin Musah


Penyerahan cenderahati dan penghargaan kepada YB Datuk Matbali wakil rakyat Parlimen Sipitang (P178) dan seluruh staf Pusat Khidmat Masyarakat Parlimen Sipitang sempena sesi lawatan tapak pemetaan isu selama 3 hari yang berakhir pada 21 April 2024.

BAHAGIAN B

LAPORAN PEMETAAN ISU

P.178 SIPITANG (SABAH)

1.0 PENGENALAN

<p><i>Kajian pemetaan isu bagi tahun 2024 di Parlimen Sipitang ini diadakan dengan usahasama daripada YB Datuk Matbali Bin Musah dari parti Gabungan Rakyat Sabah (GRS).</i></p>		 <p>YB Datuk Matbali Bin Musah</p>																									
Parlimen	P.178																										
Kawasan	Sipitang																										
Negeri	Sabah																										
Jumlah penduduk	<p>38,100 ribu orang</p> <table border="1"> <thead> <tr> <th>BIL.</th> <th>KAUM</th> <th>BIL.</th> <th>% BIL.</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>1.</td> <td>Bumiputera</td> <td>37,262</td> <td>97.8</td> </tr> <tr> <td>2.</td> <td>Cina</td> <td>610</td> <td>1.6</td> </tr> <tr> <td>3.</td> <td>India</td> <td>38</td> <td>0.1</td> </tr> <tr> <td>4.</td> <td>Lain_lain</td> <td>191</td> <td>0.5</td> </tr> <tr> <td colspan="2">JUMLAH KESELURUHAN</td> <td>38,100</td> <td>100.00</td> </tr> </tbody> </table> <p>Sumber: <i>Statistik Subnasional Parlimen Dan Dun - Parlimen Sipitang, Jabatan Perangkaan Malaysia, 2022.</i></p>			BIL.	KAUM	BIL.	% BIL.	1.	Bumiputera	37,262	97.8	2.	Cina	610	1.6	3.	India	38	0.1	4.	Lain_lain	191	0.5	JUMLAH KESELURUHAN		38,100	100.00
BIL.	KAUM	BIL.	% BIL.																								
1.	Bumiputera	37,262	97.8																								
2.	Cina	610	1.6																								
3.	India	38	0.1																								
4.	Lain_lain	191	0.5																								
JUMLAH KESELURUHAN		38,100	100.00																								
Kegiatan ekonomi utama	<ul style="list-style-type: none"> • Pertanian – Tanaman getah, kelapa sawit, kelapa, padi, koko, kopi, tebu, pisang dan <i>avocado</i> • Penternakan – Penternakan lebah kelulut • Perhutanan – Operasi pembalakan dan pemprosesan kayu • Perikanan – Nelayan di pesisir pantai 																										
Pasukan kajian	<ol style="list-style-type: none"> 1. Nurrul Fazlina Binti Osman: Ketua Penyelidik 2. Mc Jeanet Lempisik @ Marx: Pegawai Penyelidik Sabah 3. Dr Teo Sue Ann: Pengarah My SDG-CSI 4. Raine Mellisa Anak Riman: Pegawai Eksekutif Sarawak 5. Dr Eva Kristin anak Larry Sait: Pegawai Penyelidik Sarawak 																										

2.0 PEMETAAN ISU

Terdapat 9 FGD dan 1 lawatan tapak telah dijalankan bersama komuniti tempatan dan NGO selama 3 hari di kawasan lokaliti Parlimen Sipitang dan 1 sesi dialog dijalankan bersama agensi kerajaan selama setengah hari Pejabat Daerah Sipitang.

TARIKH	PERKARA
19 April 2024, Jumaat	<ul style="list-style-type: none">• Dialog Bersama Komuniti Nelayan di Kg Kuala Mengalong• Dialog Bersama Komuniti Etnik Lundayeh di Kg Kawang• Dialog Bersama Komuniti Kg Kelangsat• Dialog Bersama Komuniti Kg Mendulong
20 April 2024, Sabtu	<ul style="list-style-type: none">• Dialog Bersama Komuniti Nelayan Di Kg Bintuka• Dialog Bersama Komuniti Etnik Bisaya Di Kg Bangkalalak• Dialog Bersama Komuniti Kg Karang• Dialog Bersama Komuniti Nelayan Kg Pelakat
21 April 2024, Ahad	<ul style="list-style-type: none">• Lawatan Tapak Di Kompleks Persatuan Pusat Kebudayaan Lundayeh Sipitang• Dialog Bersama Wakil Persatuan Dan Badan Bukan Kerajaan Di Pejabat Pusat Khidmat Rakyat P.178 Sipitang
26 April 2024, Jumaat	<ul style="list-style-type: none">• Dialog bersama agensi kerajaan

PENEMUAN KAJIAN

ISU UTAMA	KUMPULAN SASARAN	PENERANGAN ISU	ULASAN AGENSI KERAJAAN
ISU SOSIAL			
Kekurangan kemudahan infrastruktur	<ul style="list-style-type: none"> • Penduduk luar bandar 	<ul style="list-style-type: none"> • Keadaan jalan raya di kawasan kampung, laluan ke kebun dan perkuburan yang tidak baik. • Gangguan bekalan elektrik di beberapa kampung sekitar Sipitang • Ketiadaan dan gangguan jaringan telekomunikasi beberapa kampung • Keadaan jeti dan jambatan yang usang dan tidak selamat. 	<p>Sabah Electricity Sdn Bhd (SESB): Terdapat stesen janakuasa elektrik yang rosak disebabkan bencana banjir menyebabkan saluran tenaga elektrik tidak kuat/ stabil.</p> <p>Jabatan Kerja Raya (JKR): Terdapat rancangan untuk menaiktaraf jambatan <i>low level crossing</i> yang telah dinaikkan dalam RMK-12 tetapi tindakan seterusnya adalah daripada Ibu Pejabat. Diperingkat daerah hanyalah melaksana. Terdapat kertas cadangan yang telah dihantar ke ibu pejabat untuk tindakan seterusnya</p> <p>Jabatan Pertanian: Permohonan jalan pertanian perlu dipohon kepada Jab. Pertanian Daerah untuk diusulkan diperingkat lebih tinggi.</p>

ISU UTAMA	KUMPULAN SASARAN	PENERANGAN ISU	ULASAN AGENSI KERAJAAN
Ketiadaan bekalan air terawat	<ul style="list-style-type: none"> ● Penduduk luar bandar ● Penduduk di kawasan pulau 	<ul style="list-style-type: none"> ● Terdapat kampung yang belum menikmati sumber air terawat. ● Penduduk bergantung sepenuhnya kepada sumber air seperti tadahan air hujan, perigi dan sungai yang tidak dirawat 	<p>Jabatan Air: Terdapat cadangan untuk membuat stesen air atau logi khas. Manakala kawasan pergunung sukar untuk salurkan air disebabkan geografi yang cerun. Terdapat kawasan yang tidak mempunyai bekalan air telah termasuk dalam cadangan dan sedang dilakukan kajian.</p>
Isu pendidikan	<ul style="list-style-type: none"> ● Pelajar sekolah ● Kanak-kanak luar bandar 	<ul style="list-style-type: none"> ● Ibu bapa bimbang mengenai keberhasilan anak-anak mereka dalam pendidikan. Walaupun tidak menyalahkan guru-guru, ada ibu bapa yang menyatakan kekecewaan bahawa tidak ada anak dari kampung mereka yang berjaya menjadi guru atau memperoleh pekerjaan lain, berbanding anak-anak di daerah lain. ● Terdapat ketidakadilan dalam pemilihan penerima bantuan seperti peralatan sekolah ● Guru-guru besar yang dihantar ke sekolah pedalaman mempunyai tempoh perkhidmatan yang singkat di 	<p><i>Tiada ulasan diberikan oleh agensi yang hadir dan wakil Pejabat Pendidikan Daerah tidak dapat hadir semasa sesi dialog.</i></p>

ISU UTAMA	KUMPULAN SASARAN	PENERANGAN ISU	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		mana guru yang dihantar ialah guru yang hampir bersara	
Penyalahgunaan dadah yang berleluasa	<ul style="list-style-type: none"> • Belia 	<ul style="list-style-type: none"> • Terdapat anak-anak muda dan belia yang terlibat dengan penyalahgunaan dadah jenis syabu. • Penyalahgunaan dadah menyebabkan kejadian pecah rumah, kes rompak, perceraian dan pergaduhan dalam keluarga. • Beberapa kampung telah dikenal pasti sebagai "black are" 	<p>Polis Diraja Malaysia: Terdapat tangkapan dibuat dan maklumat-maklumat yang disuarakan oleh penduduk juga perlu disalurkan dengan tepat untuk tindakan PDRM. Kawasan tumpuan bagi <i>task force</i> ialah di Kg Kawang dan Kg Mendulong.</p> <p>Pihak Pejabat Daerah: Terdapat jawatankuasa PEMADAM yang ditubuhkan dan merupakan salah satu inisiatif Malaysia untuk membuat aktiviti membenteras dadah</p>
Tahap ketersampaian rendah kepada perkhidmatan kesihatan	<ul style="list-style-type: none"> • Penduduk pesisir pantai dan sungai 	<ul style="list-style-type: none"> • Beberapa kawasan perkampungan yang tidak mempunyai kemudahan klinik desa dan jauh dari kawasan pekan terdekat • Perkhidmatan kesihatan yang lambat dan kurang maklum balas 	<p>Pejabat Kesihatan: Terdapat kes-kes yang tertentu yang memerlukan rawatan sampingan menyebabkan masa menunggu giliran menjadi lama. Dari segi pakar pula, perkhidmatan yang diberikan adalah secara cluster dan belum lagi mendapat kepakaran sepenuhnya</p>

ISU UTAMA	KUMPULAN SASARAN	PENERANGAN ISU	ULASAN AGENSI KERAJAAN
Gagal menerima bantuan kebajikan	<ul style="list-style-type: none"> ● Golongan B40 ● Warga emas ● Ibu Tunggal 	<ul style="list-style-type: none"> ● Permohonan oleh penduduk kampung yang tidak diluluskan di mana pemohon perlu berdaftar di dalam sistem E-Kasih namun penduduk kampung tidak tersenarai dalam sistem ini. 	<p>Pejabat Daerah: E-Kasih merupakan sistem yang digunakan untuk mengenal pasti sama ada pemohon dalam kategori miskin, miskin tegar atau pun terkeluar (apabila pemohon tersebut mempunyai pendapatan melebihi garis bagi kategori miskin).</p>
Isu dokumentasi	<ul style="list-style-type: none"> ● Kanak-kanak ● Penduduk yang tinggal di pendalaman ● Penduduk di pesisir Pantai 	<ul style="list-style-type: none"> ● Terdapat individu yang tidak mempunyai dokumen pengenalan diri seperti surat beranak dan kad pengenalan disebabkan oleh sejarah generasi terdahulu yang tidak mempunyai kad pengenalan diri dan perkahwinan campur antara penduduk tempatan dengan bukan tempatan. ● Ketiadaan dokumen pengenalan diri ini menyukarkan individu untuk mendapatkan akses perkhidmatan kesihatan, pendidikan dan bantuan kerajaan. 	<p>Mahkamah Anak Negeri Sipitang dan Pejabat Daerah: Pihak kerajaan juga ingin membantu penduduk memberikan dokumen mereka tetapi penduduk pendalaman sering kali lewat untuk mendapatkan dokumen dan tidak tahu kepentingan dokumentasi diri.</p>

ISU UTAMA	KUMPULAN SASARAN	PENERANGAN ISU	ULASAN AGENSI KERAJAAN
ISU EKONOMI			
Kekurangan peluang pekerjaan	<ul style="list-style-type: none"> • Belia • Wanita • Ibu tunggal 	<ul style="list-style-type: none"> • Kedudukan kampung yang terletak di pedalaman menyebabkan penduduk kampung tidak mempunyai peluang pekerjaan yang meluas. Penduduk hanya menjalankan aktiviti pertanian dan berjual sahaja. • Kekurangan peluang pekerjaan menyebabkan banyak belia yang berhijrah ke bandar untuk mencari pekerjaan. • Golongan wanita menjalankan aktiviti pertanian seperti berkebun namun menghadapi cabaran seperti banjir dan kemarau. • Ibu tunggal menghadapi cabaran dalam mendapatkan peluang pekerjaan dan perniagaan disebabkan oleh kekurangan kemahiran, pengalaman bekerja dan tanggungjawab menjaga anak-anak yang masih kecil 	<i>Tiada maklum balas daripada agensi lain disebabkan kekangan masa.</i>

ISU UTAMA	KUMPULAN SASARAN	PENERANGAN ISU	ULASAN AGENSI KERAJAAN
Kebergantungan terhadap sektor primer	<ul style="list-style-type: none"> ● Nelayan ● Petani 	<ul style="list-style-type: none"> ● Bergantung sepenuhnya kepada sumber pencarian di sungai dan pesisir laut dengan kaedah tangkapan ikan secara tradisional. ● Bergantung kepada aktiviti pertanian diusahakan secara tradisional dalam skala kecil. ● Faktor cuaca seperti musim tengkujuh menyebabkan nelayan tidak dapat turun ke laut dan mereka tidak mempunyai aktiviti ekonomi lain. 	<i>Tiada maklum balas daripada agensi lain disebabkan kekangan masa.</i>
Peluang pekerjaan yang terhad bagi wanita	<ul style="list-style-type: none"> ● Belia ● Wanita ● Ibu Tunggal 	<ul style="list-style-type: none"> ● Ibu tunggal menghadapi cabaran dalam mendapatkan peluang pekerjaan dan perniagaan disebabkan oleh kekurangan kemahiran, pengalaman bekerja dan tanggungjawab menjaga anak-anak yang masih kecil. 	<i>Tiada maklum balas daripada agensi lain disebabkan kekangan masa.</i>
ISU ALAM SEKITAR			
Ketiadaan sistem pelupusan sampah yang sistematik	<ul style="list-style-type: none"> ● Penduduk di kawasan pendalaman ● Penduduk di kawasan 	<ul style="list-style-type: none"> ● Beberapa kampung tidak mempunyai system pelupusan sampah yang sistematik di mana kaedah pelupusan sampah ialah membakar, menanam sampah dan membuang di sungai. 	<p>Majlis Daerah: Keadaan tong yang uzur di Mendulong dan sekarang dalam kerja baikpulih</p>

ISU UTAMA	KUMPULAN SASARAN	PENERANGAN ISU	ULASAN AGENSI KERAJAAN
	<p>pesisir pantai dan sungai</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Ketiadaan tempat pelupusan sampah ini mengundang kedatangan haiwan liar seperti monyet. 	
Banjir	<ul style="list-style-type: none"> • Penduduk di kawasan pendalaman • Penduduk di kawasan pesisir pantai dan sungai 	<ul style="list-style-type: none"> • Kejadian banjir yang bermusim dan berlaku semasa musim tengkujuh • Sistem perparitan yang tidak diselenggara dengan baik dan kerap yang menyebabkan parit tersumbat. • Banjir memberi kesan besar kepada penduduk di mana banjir menyebabkan jalan terputus dan tidak dapat dilalui, merosakkan tanaman dan ternakan dan secara tidak langsung menyebabkan penduduk kehilangan pendapatan. 	<p>Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS): Bencana banjir sentiasa terjadi di daerah Sipitang dan curahan hujan tinggi pada hujung dan awal tahun. Terdapat langkah untuk mengatasinya seperti pembersihan parit dan sungai, tetapi terdapat kekangan peruntukan.</p> <p>Pejabat Daerah: Terdapat peruntukan untuk mendalamkan muara tetapi muara tersebut cepat cetek.</p>

3.0 PENGUTAMAAN ISU

PENGUTAMAAN ISU 1: ISU JETI DAN NELAYAN

<p>Permasalahan berkaitan dengan Isu</p>	<p>Keadaan jeti yang uzur, kecil dan tidak mampu menampung penyimpanan bot.</p> <p>Kawasan nelayan yang memerlukan kemudahan jeti Pendapatan nelayan yang tidak stabil</p> <p>Harga yang tinggi tetapi kekurangan bekalan hasil perikanan</p>
<p>Cadangan</p>	<ol style="list-style-type: none"> 1. Menaiktaraf kemudahan jeti dengan membina jeti yang lebih besar dan lebih stabil dengan kemudahan penyimpanan bot yang mencukupi. 2. Mengurangkan birokrasi dan memudahkan proses permohonan dengan menyediakan panduan yang jelas dan bantuan teknikal kepada nelayan yang ingin memohon jeti baru 3. Diversifikasi pendapatan dengan membuat alternatif ekonomi 4. Menubuhkan koperasi nelayan untuk menguruskan penjualan ikan & bekerjasama dengan pihak berkuasa tempatan untuk menetapkan harga minimum bagi hasil tangkapan.
<p>Kumpulan Terjejas</p>	<ul style="list-style-type: none"> ● Komuniti nelayan ● Penduduk kampung tinggal di pesisiran perairan.
<p>Kawasan</p>	<ul style="list-style-type: none"> ● Kg Kuala Mengalong ● Kg Bintuka ● Kg Pelakat
<p>SDG BERKAITAN DENGAN ISU UTAMA</p>	
<p>SDG YANG BERKAITAN</p>	<p>SASARAN SDG BERKAITAN</p>
<p>Matlamat 8: Pekerjaan Sesuai dan Pembangunan Ekonomi</p>	<p>Sasaran 8.2: Mencapai tahap produktiviti ekonomi yang lebih tinggi melalui kepelbagaian, peningkatan teknologi dan inovasi, termasuk melalui tumpuan pada sektor bernilai ditambah tinggi dan intensif buruh.</p>

	<p>Sasaran 8.4: Meningkatkan secara progresif, melalui 2030, kecekapan sumber global dalam penggunaan dan pengeluaran dan berusaha untuk memisahkan pertumbuhan ekonomi daripada kemerosotan alam sekitar, selaras dengan Rangka Kerja 10 Tahun Program mengenai Penggunaan dan Pengeluaran Mampan, dengan diketuai negara-negara maju.</p>
Matlamat 9: Industri, Inovasi dan Infrastruktur	<p>Sasaran 9.1: Membangunkan infrastruktur yang berkualiti, boleh dipercayai, mampan dan berdaya tahan, termasuk infrastruktur serantau dan rentas sempadan, untuk menyokong pembangunan ekonomi dan kesejahteraan manusia, dengan tumpuan pada akses yang berpatutan dan adil untuk semua.</p> <p>Sasaran 9.3: Meningkatkan akses perindustrian berskala kecil dan perusahaan lain, khususnya di negara membangun, kepada perkhidmatan kewangan termasuk kredit mampu milik dan penyepaduan mereka ke dalam rantai nilai dan pasaran.</p> <p>Sasaran 9.4: Menjelang 2030, menaik taraf industri infrastruktur agar mampan, dengan peningkatan kecekapan penggunaan sumber dan penggunaan teknologi serta proses perindustrian yang bersih dan mesra alam, dengan semua negara mengambil tindakan mengikut keupayaan masing-masing.</p>
Matlamat 10: Ketidaksamaan yang Kurang	<p>Sasaran 10.1: Menjelang 2030, mencapai dan mengekalkan secara progresif pertumbuhan pendapatan populasi 40 peratus terendah pada kadar yang lebih tinggi daripada purata kebangsaan.</p> <p>Sasaran 10.5: Memperbaiki pengawalseliaan dan pemantauan pasaran dan institusi kewangan global dan mengukuhkan pelaksanaan peraturan tersebut.</p>
Matlamat 14: Kehidupan Dalam Air	<p>Sasaran 14.4: Menjelang 2020, mengawal selia secara berkesan penuaian dan menamatkan penangkapan ikan berlebihan, penangkapan ikan yang menyalahi undang-undang, tidak dilaporkan dan tidak terkawal serta amalan penangkapan ikan yang merosakkan, dan melaksanakan pelan pengurusan berasaskan sains,</p>

	<p>untuk memulihkan stok ikan sesingkat mungkin, pada sekurang-kurangnya ke tahap yang boleh menghasilkan hasil mampan maksimum seperti yang ditentukan oleh ciri biologinya.</p> <p>Sasaran 14.b: Menyediakan akses kepada nelayan artisan berskala kecil kepada sumber marin dan pasaran.</p>
--	--

PENGUTAMAAN ISU 2: PENYALAHGUNAAN DADAH DAN ISU PENDIDIKAN

<p>Permasalahan berkaitan dengan Isu</p>	<ol style="list-style-type: none"> 1. Penyalahgunaan dadah dalam kalangan belia 2. Prestasi akademik yang rendah dan kurang pencapaian kerjaya 3. Cabaran bagi tenaga pengajar untuk memberikan pendidikan 4. Keciciran pelajar 5. Ketiadaan institusi pendidikan teknikal dan vokasional (TVET)
<p>Cadangan</p>	<ol style="list-style-type: none"> 1. Program Pendidikan dan kesedaran mengenai bahaya penyalahgunaan dadah di sekolah-sekolah dan komuniti. 2. Meningkatkan penguatkuasaan undang-undang terhadap pengedaran dan penggunaan dadah. 3. Menyediakan biasiswa dan bantuan kewangan kepada pelajar dari keluarga berpendapatan rendah. 4. Menaik taraf jambatan dengan struktur yang kuat supaya jalan perhubungan ini dapat dilalui walaupun keadaan banjir. 5. Mengadakan rancangan bencana yang komprehensif untuk memastikan pengajaran tidak terhenti semasa bencana alam (banjir). 6. Membina institusi pendidikan teknikal dan vokasional di Sipitang untuk menyediakan latihan kemahiran yang relevan dengan keperluan pasaran kerja tempatan.
<p>Kumpulan Terjejas</p>	<ul style="list-style-type: none"> ● Golongan belia ● Kanak-kanak

	<ul style="list-style-type: none"> ● Pelajar ● Guru-guru ● Suku minoriti di Sipitang
Kawasan	<ul style="list-style-type: none"> ● Kg Long Kinangan ● Kg Kuala Mengalong ● Kg Mendulong ● Kg Kelangsat
SDG BERKAITAN DENGAN ISU UTAMA	
SDG YANG BERKAITAN	SASARAN SDG BERKAITAN
SDG 3: Kesihatan Baik dan Kesejahteraan	Sasaran 3.5: Kuatkan pencegahan dan rawatan penyalahgunaan bahan, termasuk penyalahgunaan dadah narkotik dan penggunaan alkohol yang berbahaya.
SDG 4: Pendidikan Berkualiti	<p>Sasaran 4.1: Menjelang 2030, pastikan semua perempuan dan lelaki menamatkan pendidikan rendah dan menengah percuma, saksama dan berkualiti yang membawa kepada hasil pembelajaran yang relevan dan berkesan.</p> <p>Sasaran 4.3: Menjelang 2030, pastikan akses sama rata untuk semua wanita dan lelaki kepada pendidikan teknikal, vokasional dan pengajian tinggi yang berpatutan dan berkualiti, termasuk universiti.</p> <p>Sasaran 4.5: Menjelang 2030, hapuskan jurang perbezaan jantina dalam pendidikan dan pastikan akses sama rata kepada semua peringkat pendidikan dan latihan vokasional untuk golongan yang terdedah, termasuk orang kelainan upaya, orang asli dan kanak-kanak dalam situasi terdedah.</p> <p>Sasaran 4.a: Membina dan menaik taraf kemudahan pendidikan yang sesuai bagi kanak-kanak, kelainan upaya dan jantina serta menyediakan persekitaran pembelajaran yang selamat, tidak ganas, inklusif dan berkesan kepada semua.</p> <p>Sasaran 4.b: Menjelang 2020, meluaskan secara global, bilangan biasiswa yang tersedia untuk negara membangun, khususnya negara kurang maju, negara</p>

	<p>pulau kecil membangun dan negara-negara Afrika, bagi pendaftaran pendidikan tinggi, termasuk latihan vokasional dan maklumat dan teknologi komunikasi, teknikal, kejuruteraan dan program saintifik, di negara maju dan negara membangun yang lain.</p> <p>Sasaran 4.c: Menjelang 2030, meningkatkan dengan ketara bekalan guru yang berkelayakan, termasuk melalui kerjasama antarabangsa bagi pelatihan guru di negara membangun, terutamanya negara kurang maju dan negara pulau kecil membangun.</p>
SDG 9: Pekerjaan Sesuai dan Pembangunan Ekonomi	<p>Sasaran 9.4: Menjelang 2030, menaik taraf industri infrastruktur agar mampan, dengan peningkatan kecekapan penggunaan sumber dan penggunaan teknologi serta proses perindustrian yang bersih dan mesra alam, dengan semua negara mengambil tindakan mengikut keupayaan masing-masing.</p> <p>Sasaran 9.a: Memudahkan pembangunan infrastruktur yang mampan dan berdaya tahan di negara membangun melalui sokongan kewangan, teknologi dan teknikal yang dipertingkatkan kepada negara Afrika, negara kurang maju, negara membangun dikelilingi daratan dan negara pulau kecil membangun.</p>

PENGUTAMAAN ISU 3: KEKANGAN MENCARI SUMBER DANA DAN PERUNTUKAN

Permasalahan berkaitan dengan Isu	<ol style="list-style-type: none"> 1. Dana dan peruntukan yang tidak mencukupi 2. Kekurangan program kemahiran dan keusahawanan 3. Kekangan untuk membangun semula sektor pelancongan
Cadangan	<ol style="list-style-type: none"> 1. Menyediakan pembiayaan kecil untuk usahawan dan penduduk tempatan bagi memulakan atau mengembangkan perniagaan mereka. 2. Mengumpulkan dana khusus untuk membangun semula infrastruktur pelancongan yang rosak.

	<ol style="list-style-type: none"> 3. Mengadakan kursus latihan di kampung-kampung untuk memastikan semua penduduk, termasuk yang tidak mempunyai kenderaan, dapat turut serta. 4. Menawarkan program bimbingan di mana usahawan yang berjaya membantu usahawan baru. 5. Membuat pameran produk tempatan untuk meningkatkan visibiliti dan jualan produk mereka.
Kumpulan Terjejas	<ul style="list-style-type: none"> • Usahawan • Pengusaha pelancongan • Persatuan dan NGO
Kawasan	<ul style="list-style-type: none"> • Kg Bintuka • Kg Kelangsat • Kg Pelakat • Kg Kawang
SDG BERKAITAN DENGAN ISU UTAMA	
SDG YANG BERKAITAN	SASARAN SDG BERKAITAN
Matlamat 9: Industri, Inovasi dan Infrastruktur	<p>Sasaran 9.1: Membangunkan infrastruktur yang berkualiti, boleh dipercayai, mampan dan berdaya tahan, termasuk infrastruktur serantau dan rentas sempadan, untuk menyokong pembangunan ekonomi dan kesejahteraan manusia, dengan tumpuan pada akses yang berpatutan dan adil untuk semua.</p> <p>Sasaran 9.2: Menggalakkan perindustrian yang inklusif dan mampan, dan menjelang 2030, untuk meningkatkan dengan ketara bahagian pekerjaan industri dan KDNK selaras dengan keadaan negara serta menggandakan bahagiannya di negara-negara kurang maju.</p> <p>Sasaran 9.3: Meningkatkan akses perindustrian berskala kecil dan perusahaan lain, khususnya di negara membangun, kepada perkhidmatan kewangan termasuk kredit mampu milik dan penyepaduan mereka ke dalam rantai nilai dan pasaran.</p>

	<p>Sasaran 9.a: Memudahkan pembangunan infrastruktur yang mampan dan berdaya tahan di negara membangun melalui sokongan kewangan, teknologi dan teknikal yang dipertingkatkan kepada negara Afrika, negara kurang maju, negara membangun dikelilingi daratan dan negara pulau kecil membangun.</p> <p>Sasaran 9.b: Menyokong pembangunan teknologi domestik, penyelidikan dan inovasi di negara membangun, termasuk dengan memastikan persekitaran dasar yang kondusif untuk, antara lain, kepelbagaian industri dan penambahan nilai kepada komoditi.</p>
<p>Matlamat 10: Mengurangkan Ketidaksamaan</p>	<p>Sasaran 10.1: Menjelang 2030, secara progresif mencapai dan mengekalkan pertumbuhan pendapatan 40%terbawah penduduk (B40)pada kadar yang lebih tinggi daripada purata negara.</p> <p>Sasaran 10.3: Memastikan peluang yang sama dan mengurangkan ketaksamaan hasil, termasuk dengan menghapuskan undang-undang, dasar dan amalan diskriminasi dan menggalakkan perundangan, dasar dan tindakan yang sesuai dalam hal ini.</p> <p>Sasaran 10.5: Memperbaiki pengawalseliaan dan pemantauan pasaran dan institusi kewangan global dan mengukuhkan pelaksanaan peraturan tersebut.</p> <p>Sasaran 10.6: Memastikan perwakilan dan suara yang dipertingkatkan bagi negara membangun dalam membuat keputusan dalam institusi ekonomi dan kewangan antarabangsa global untuk menyampaikan institusi yang lebih berkesan, boleh dipercayai, bertanggungjawab dan sah.</p> <p>Sasaran 10.b: Menggalakkan bantuan pembangunan rasmi dan aliran kewangan, termasuk pelaburan langsung asing, ke negara yang paling memerlukan, khususnya negara kurang maju, negara Afrika, negara membangun pulau kecil dan negara membangun dikelilingi daratan, selaras dengan rancangan dan program negara mereka.</p>

<p>Matlamat 16: Keamanan, Keadilan dan Pertubuhan Kukuh</p>	<p>Sasaran 16.6: Membangunkan institusi yang berkesan, bertanggungjawab dan telus di semua peringkat.</p>
<p>Matlamat 17: Kerjasama demi Matlamat</p>	<p>Sasaran 17.2: Melaksanakan semua komitmen bantuan pembangunan: Negara maju untuk melaksanakan sepenuhnya komitmen bantuan pembangunan rasmi mereka, termasuk komitmen oleh banyak negara maju untuk mencapai sasaran 0.7% daripada pendapatan negara kasar terhadap bantuan pembangunan rasmi (oda/gni) kepada negara membangun dan 0.15 hingga 0.20 peratus oda/gni ke negara kurang maju; penyedia oda digalakkan untuk mempertimbangkan menetapkan sasaran untuk menyediakan sekurang-kurangnya 0.20% oda/gni kepada negara kurang maju.</p> <p>Sasaran 17.3: Menggerakkan sumber kewangan terhadap negara membangun: Menggerakkan sumber kewangan tambahan terhadap negara membangun daripada pelbagai sumber.</p> <p>Sasaran 17.5: Melabur di negara kurang maju: Mengamalkan dan melaksanakan rejim penggalakan pelaburan untuk negara kurang maju.</p> <p>Sasaran 17.12: Menghapuskan halangan perdagangan bagi negara kurang maju: Merealisasikan pelaksanaan tepat masa bagi akses pasaran bebas cukai dan bebas kuota secara berkekalan terhadap semua negara kurang maju, selaras dengan keputusan organisasi perdagangan dunia, termasuk dengan memastikan keutamaan peraturan asal yang digunakan bagi import dari negara kurang maju adalah telus dan mudah, serta menyumbang dalam membantu akses pasaran.</p> <p>Sasaran 17.17: Menggalakkan kerjasama berkesan: Menggalakkan dan menggalakkan perkongsian awam, awam-swasta dan masyarakat sivil yang berkesan, dan membina pengalaman dan strategi sumber perkongsian.</p>

PENGUTAMAAN ISU 4: KEKURANGAN KEMUDAHAN INFRASTRUKTUR ASAS

<p>Permasalahan berkaitan dengan Isu</p>	<ol style="list-style-type: none"> 1. Ketidakstabilan bekalan elektrik 2. Kekurangan bekalan air bersih dan terawat 3. Jaringan telekomunikasi yang rendah
<p>Cadangan</p>	<ol style="list-style-type: none"> 4. Memasang transformer tambahan di setiap kampung untuk memastikan bekalan tenaga mencukupi. Ini akan membantu mengurangkan beban pada transformer yang sedia ada. 5. Menaik taraf transformer sedia ada kepada yang mempunyai kapasiti voltage lebih tinggi untuk menampung keperluan elektrik yang meningkat. 6. Membina loji rawatan air baru dan menaik taraf loji yang sedia ada untuk meningkatkan kapasiti dan keupayaan merawat air. 7. Melaksanakan projek perpaipan yang menyeluruh untuk memastikan air bersih dapat disalurkan ke semua kawasan, termasuk kampung-kampung terpencil. 8. Membangun dan memperluaskan infrastruktur telekomunikasi seperti menara pemancar, kabel fiber optik, dan jalur lebar untuk memastikan liputan yang lebih luas dan kuat. 9. Menubuhkan pusat komuniti digital di kawasan strategik untuk memberikan akses kepada internet dan perkhidmatan telekomunikasi kepada penduduk yang kurang berkemampuan atau tinggal di kawasan yang masih menghadapi masalah liputan.
<p>Kumpulan Terjejas</p>	<ul style="list-style-type: none"> ● Seluruh penduduk kampung di kawasan daerah Sipitang
<p>Kawasan</p>	<ul style="list-style-type: none"> ● Kg Kuala Mengalong ● Kg Kawang ● Kg Kelangsat ● Kg Bintuka ● Kg Pelakat ● Kg Karangan

SDG BERKAITAN DENGAN ISU UTAMA	
SDG YANG BERKAITAN	SASARAN SDG BERKAITAN
Matlamat 3: Kesihatan dan Kesejahteraan	<p>Sasaran 3.1: Menjelang 2030, kurangkan nisbah kematian bersalin global kepada kurang daripada 70 per 100,000 kelahiran hidup.</p> <p>Sasaran 3.7: Menjelang 2030, pastikan akses universal kepada perkhidmatan penjagaan kesihatan seksual dan reproduktif, termasuk untuk perancangan keluarga, maklumat dan pendidikan, serta penyepaduan kesihatan reproduktif ke dalam strategi dan program nasional.</p> <p>Sasaran 3.8: Mencapai perlindungan kesihatan sejagat, termasuk perlindungan risiko kewangan, akses kepada perkhidmatan penjagaan kesihatan penting yang berkualiti dan akses kepada ubat-ubatan dan vaksin perlu yang selamat, berkesan, berkualiti dan berpatutan untuk semua.</p> <p>Sasaran 3.c: Meningkatkan pembiayaan kesihatan dengan ketara dan pengambilan, pembangunan, latihan dan pengekalan tenaga kerja kesihatan di negara membangun, terutamanya di negara kurang maju dan negara membangun pulau kecil.</p>
Matlamat 6: Air Bersih dan Sanitasi	<p>Sasaran 6.1: Menjelang 2030, mencapai akses universal dan saksama terhadap air minuman yang selamat dan mampu milik untuk semua.</p> <p>Sasaran 6.2: Menjelang 2030, capai akses kepada sanitasi dan kebersihan yang mencukupi dan saksama untuk semua dan menamatkan pembuangan air secara terbuka, memberi perhatian khusus kepada keperluan wanita dan kanak-kanak perempuan serta mereka yang berada dalam situasi yang terdedah.</p> <p>Sasaran 6.3: Menjelang 2030, tingkatkan kualiti air dengan mengurangkan pencemaran, menghapuskan lambakan dan meminimumkan pembebasan bahan kimia dan bahan berbahaya, mengurangkan separuh bahagian air sisa yang tidak dirawat dan meningkatkan</p>

	<p>kitar semula dan penggunaan semula yang selamat dengan ketara secara global.</p> <p>Sasaran 6.4: Menjelang 2030, meningkatkan kecekapan penggunaan air dengan ketara merentasi semua sektor dan memastikan pengeluaran dan bekalan air tawar yang mampan untuk menangani kekurangan air dan mengurangkan dengan ketara bilangan orang yang mengalami kekurangan air.</p> <p>Sasaran 6.6: Menjelang 2020, lindungi dan pulihkan ekosistem berkaitan air, termasuk di kawasan gunung, hutan, tanah lembap, sungai, akuifer dan tasik.</p> <p>Sasaran 6.b: Menyokong dan mengukuhkan penyertaan masyarakat setempat dalam menambah baik pengurusan air dan sanitasi.</p>
<p>Matlamat 9: Industri, Inovasi dan Prasarana</p>	<p>Sasaran 9.1: Membangunkan infrastruktur yang berkualiti, boleh dipercayai, mampan dan berdaya tahan, termasuk infrastruktur serantau dan rentas sempadan, untuk menyokong pembangunan ekonomi dan kesejahteraan manusia, dengan tumpuan pada akses yang berpatutan dan adil untuk semua.</p> <p>Sasaran 9.a: Memudahkan pembangunan infrastruktur yang mampan dan berdaya tahan di negara membangun melalui sokongan kewangan, teknologi dan teknikal yang dipertingkatkan kepada negara Afrika, negara kurang maju, negara membangun dikelilingi daratan dan negara pulau kecil membangun.</p> <p>Sasaran 9.c: Meningkatkan akses kepada teknologi maklumat dan komunikasi dengan ketara dan berusaha untuk menyediakan akses universal dan berpatutan terhadap Internet di negara-negara kurang maju menjelang 2020.</p>
<p>Matlamat 11: Bandar dan Komuniti Mampan</p>	<p>Sasaran 11.6: Menjelang 2030, kurangkan kesan buruk terhadap alam sekitar di petempatan per kapita, termasuk dengan memberi perhatian khusus kepada</p>

	<p>kualiti udara dan pengurusan sisa perbandaran dan lain-lain.</p> <p>Sasaran 11.a: Menyokong hubungan ekonomi, sosial dan alam sekitar yang positif antara kawasan bandar, pinggir bandar dan luar bandar dengan mengukuhkan perancangan pembangunan negara dan kawasan.</p> <p>Sasaran 11.c: Menyokong negara kurang maju, termasuk melalui bantuan kewangan dan teknikal, dalam membina bangunan yang mampan dan berdaya tahan menggunakan bahan binaan tempatan.</p>
--	---

PENGUTAMAAN ISU 5: BANJIR DAN MASALAH SAMPAH

<p>Permasalahan berkaitan dengan Isu</p>	<ol style="list-style-type: none"> 1. Banjir yang kerap dan kesan banjir 2. Masalah sampah
<p>Cadangan</p>	<ol style="list-style-type: none"> 1. Jadualkan penyelenggaraan berkala untuk memeriksa dan membaiki ban yang rosak. Ini termasuk pengukuhan struktur ban dan pembersihan daripada tumbuhan atau sampah yang menghalang aliran air. 2. Menyediakan latihan kepada penduduk mengenai teknik asas penyelenggaraan ban dan pentingnya menjaga struktur ini.. 3. Membina saluran air tambahan di kawasan yang sering mengalami banjir untuk memastikan aliran air yang lancar 4. Mengembangkan saiz parit yang sedia ada untuk menampung lebih banyak air, terutamanya semasa hujan lebat.. 5. Mewujudkan pusat pembuangan sampah yang dekat dengan kampung untuk memudahkan pengumpulan dan pengangkutan sampah. 6. Mengintegrasikan pendidikan kebersihan dalam kurikulum sekolah untuk mendidik generasi muda tentang pentingnya menjaga kebersihan persekitaran.

Kumpulan Terjejas	<ul style="list-style-type: none"> • Seluruh penduduk kampung di kawasan daerah Sipitang
Kawasan	<ul style="list-style-type: none"> • Kg Kuala Mengalong • Kg Mendulong • Kg Bangkalalak • Kg Kelangsat • Kg Bintuka
SDG BERKAITAN DENGAN ISU UTAMA	
SDG YANG BERKAITAN	SASARAN SDG BERKAITAN
Matlamat 3: Kesihatan Baik dan Kesejahteraan	<p>Sasaran 3.4: Menjelang 2030, kurangkan sebanyak satu pertiga kematian pramatang daripada penyakit tidak berjangkit melalui pencegahan dan rawatan serta menggalakkan kesihatan mental dan kesejahteraan.</p> <p>Sasaran 3.8: Mencapai perlindungan kesihatan sejagat, termasuk perlindungan risiko kewangan, akses kepada perkhidmatan penjagaan kesihatan penting yang berkualiti dan akses kepada ubat-ubatan dan vaksin perlu yang selamat, berkesan, berkualiti dan berpatutan untuk semua.</p> <p>Sasaran 3.9: Menjelang 2030, mengurangkan dengan ketara bilangan kematian dan penyakit daripada bahan kimia berbahaya dan pencemaran dan pencemaran udara, air dan tanah.</p>
Matlamat 11: Bandar dan Masyarakat Mampan	<p>Sasaran 11.1: Menjelang 2030, pastikan akses kepada semua terhadap perumahan dan perkhidmatan asas yang mencukupi, selamat dan mampu milik serta menaik taraf kawasan setinggan.</p> <p>Sasaran 11.a: Menyokong hubungan ekonomi, sosial dan alam sekitar yang positif antara kawasan bandar, pinggir bandar dan luar bandar dengan mengukuhkan perancangan pembangunan negara dan kawasan.</p> <p>Sasaran 11.b: Menjelang 2020, meningkatkan dengan ketara, bilangan bandar dan penempatan manusia yang menerima pakai dan melaksanakan dasar dan rancangan bersepadu ke arah rangkuman, kecekapan</p>

	<p>sumber, mitigasi dan penyesuaian perubahan iklim, daya tahan bencana, dan membangun serta melaksanakan, selaras dengan Rangka Kerja Sendai Pengurangan Risiko Bencana 2015–2030, pengurusan risiko bencana holistik di semua peringkat.</p> <p>Sasaran 11.c: Menyokong negara kurang maju, termasuk melalui bantuan kewangan dan teknikal, dalam membina bangunan yang mampan dan berdaya tahan menggunakan bahan binaan tempatan.</p>
<p>Matlamat 13: Tindakan Iklim</p>	<p>Sasaran 13.1: Kuatkan daya tahan dan kapasiti penyesuaian kepada bahaya berkaitan iklim dan bencana alam di semua negara.</p> <p>Sasaran 13.2: Sepadukan langkah perubahan iklim ke dalam dasar, strategi dan perancangan negara.</p> <p>Sasaran 13.3: Tingkatkan pendidikan, peningkatan kesedaran dan kapasiti manusia dan institusi mengenai pengurangan perubahan iklim, penyesuaian, pengurangan impak dan amaran awal.</p>
<p>Matlamat 17: Kerjasama demi Matlamat</p>	<p>Sasaran 17.2: Melaksanakan semua komitmen bantuan pembangunan: Negara maju untuk melaksanakan sepenuhnya komitmen bantuan pembangunan rasmi mereka, termasuk komitmen oleh banyak negara maju untuk mencapai sasaran 0.7% daripada pendapatan negara kasar terhadap bantuan pembangunan rasmi (oda/gni) kepada negara membangun dan 0.15 hingga 0.20 peratus oda/gni ke negara kurang maju; penyedia oda digalakkan untuk mempertimbangkan menetapkan sasaran untuk menyediakan sekurang-kurangnya 0.20% oda/gni kepada negara kurang maju.</p> <p>Sasaran 17.7: Menggalakkan teknologi yang mampan kepada negara membangun: Menggalakkan pembangunan, pemindahan, penyebaran dan penyebaran teknologi mesra alam kepada negara membangun dengan syarat yang menguntungkan, termasuk dengan syarat konsesi dan keutamaan, seperti yang dipersetujui bersama.</p>



APPGM-SDG

DILULUSKAN OLEH PARLIMEN MALAYSIA KE-15



Persatuan Promosi Matlamat Pembangunan Lestari

📍 A-1-10, Block A, 8 Avenue, Jalan Sungai Jernih 8/1,
Seksyen 8, Petaling Jaya, 46050, Selangor

✉️ secretariat@appgm-sdg.com

📘 <https://www.facebook.com/APPGMSDGMY>

🌐 <https://appgm-sdg.com/>